

<p>LEMBARAN MAKLUMAT PRODUK</p> <p>(Sila baca Lembaran Maklumat Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melanggan Jaminan Bank-i. Pastikan anda juga membaca terma-terma dan syarat-syarat am. Dapatkan penjelasan daripada Bank sekiranya anda tidak memahamai mana-mana bahagian atau terma-terma di dalam dokumen ini).</p>	<p>United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (Company No. 271809-K)</p> <p>Produk: Jaminan Bank-i</p> <p>Tarikh:</p>
<p>1. Apakah produk ini?</p>	
<p>Satu aku janji bertulis oleh UOB atas permohonan pemohon (anda), bagi pihak ketiga (penerima manfaat) menjamin pembayaran atau memberi kepastian kemampuan pemohon mematuhi terma-terma kontrak antara penerima manfaat.</p>	
<p>2. Apakah konsep Shariah yang berkaitan?</p>	
<ul style="list-style-type: none"> • Konsep Shariah yang berkaitan untuk Jaminan Bank-i (JB-i) ialah Kafalah. • Kafalah boleh ditakrifkan sebagai satu keyakinan yang diberi oleh pihak pertama yang bersetuju mengambil tanggungan pihak ketiga sekiranya pihak kedua gagal memenuhi kewajipannya. 	
<p>3. Apakah yang saya dapat dari produk ini?</p>	
<p>Anda ditawarkan beberapa jenis jaminan seperti JB-i yang diringkaskan di bawah:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bon Tender / Bida <ul style="list-style-type: none"> ➢ Menyokong pembidaan/penenderan projek pelanggan ➢ Melindungi risiko penjual menarik balik bida, gagal menerima kontrak jika ditawarkan ➢ Gagal menyediakan prestasi bon ➢ Tipikal 2% - 5% dari nilai kontrak ➢ Jangka masa dari 3 – 6 bulan • Bayaran Pendahuluan <ul style="list-style-type: none"> ➢ Menyokong bayaran pendahuluan apabila kontraktor yang dilantik memulakan kerja ➢ Kebiasaannya keperluan bahan, kos permulaan atau modal kerja am ➢ Bermula dari 10% dari nilai kontrak dan ke atas ➢ Sehingga tarikh penyerahan kontrak dibuat • Jaminan Prestasi <ul style="list-style-type: none"> ➢ Menyokong kewajipan pelanggan memenuhi komitmen kontrak mengikut terma dan syarat kontrak ➢ Kebiasaannya diberikan selepas berjaya mendapat tender ➢ Tipikal 10% dari nilai kontrak ➢ Sehingga prestasi disiapkan • Waranti Jaminan Penyelenggaraan <ul style="list-style-type: none"> ➢ Diberi untuk menyokong seandainya kontraktor gagal memenuhi kewajipan “waranti” (semasa penyelenggaraan atau dalam tempoh tanggungan cacat) ➢ tipikal 5% dari nilai kontrak ➢ Sehingga tempoh tanggungan cacat • Jaminan Penungguhan <ul style="list-style-type: none"> ➢ Menyokong kontrak yang memerlukan supaya beberapa peratus dari bayaran ditangguhkan pembayarannya sehingga projek siap dan diterima oleh pembeli kontrak ➢ tuntutan seandainya kontraktor tidak dapat memenuhi kewajipannya ➢ tipikal 5% dari nilai kontrak 	

- sehingga pengesahan akhir prestasi yang memuaskan

- **Bon Kastam**

- Jaminan ini hanya diterbitkan untuk Jabatan Kastam. Contohnya, satu ejen pengangkutan dikehendaki untuk memberi Bon Kastam kepada Jabatan untuk memberi jaminan kelakuan baik pekerjaanya.

4. Apakah tanggungjawab saya?

- Mematuhi terma dan syarat yang mengawal kemudahan kredit perdagangan Islamik yang diberikan oleh UOB seperti yang ditakrifkan di dalam Surat Tawaran, Piawaian Am Terma dan Syarat Kawalan Kemudahan atau borang permohonan.
- Membayar UOB selepas permintaan wang.

5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Yuran dan Caj	Jumlah (RM)	
<ul style="list-style-type: none"> • Komisen 	Jenis Yuran	Jumlah (RM)
	Pewujudan Jaminan Bank-i	Komisen pada kadar antara 0.1% sehingga 0.125% sebulan atau antara 1.2% sehingga 1.5% setahun dengan minima atau RM100 (termasuk 0% GST)
	Komisen Pemindaan (Amaun/Tempoh)	Komisen pada kadar antara 0.1% sehingga 0.125% sebulan atau RM100 (termasuk 0% GST)
	Jaminan Bank-i yang tidak dikembalikan (3 bulan selepas tarikh tamat / tuntutan)	Sehingga 0.125% sebulan atau 1.5% setahun dengan minima atau RM100 (termasuk 0% GST)
<ul style="list-style-type: none"> • Duti Setem 	<ul style="list-style-type: none"> • Duti Setem, di mana berkenaan, tertakluk kepada Akta Duti Setem 1949 (Semakan 1989) 	
	Jenis Yuran	Jumlah (RM)
	Perjanjian Kemudahan	Ad Valorem
	Lain-lain dokumen keselamatan	Nominal
	<ul style="list-style-type: none"> ➤ Surat Tawaran ➤ Original BG-i ➤ Surat Tanggung Rugi 	<ul style="list-style-type: none"> Nominal; RM10 Nominal; RM10
	Caj-caj Lain	Caj-caj yang lain adalah mengikut Tarif Caj Piawaian Bank
<ul style="list-style-type: none"> • Rentas 	<ul style="list-style-type: none"> • RM9 (termasuk 0% GST) 	
<ul style="list-style-type: none"> • SWIFT 	<ul style="list-style-type: none"> • RM50 (termasuk 0% GST) 	
<ul style="list-style-type: none"> • Kabel Caj 	<ul style="list-style-type: none"> • RM50 (termasuk 0% GST) 	
<ul style="list-style-type: none"> • Caj Lain 	Sila rujuk kepada Surat Tawaran kami dan laman web Korporat Bank di www1.uob.com.my untuk butiran lanjut	

Sila berurusan dengan Pengurus Perhubungan anda untuk mendapatkan butiran yuran dan caj Perbankan Islam Produk dan Perkhidmatan Pembiayaan Perdagangan atau sila rujuk laman web korporat kami.

Sekiranya ada apa-apa perubahan pada yuran dan caj yang berkaitan dengan produk ini, kami akan menghubungi anda sekurang-kurang 21 hari kalendar sebelum tarikh kuat kuasa pelaksanaannya.

Ilustrasi: Amaun Jaminan : RM10,000.00	JB-i fi: 1.5% setahun keatas nilai Jaminan Bank-i.
	Tempoh Jaminan: 12/18/24/36 bulan (Bergantung kepada jumlah kontrak dan tempoh termasuk tempoh tanggungan kecacatan tempoh tuntutan sebagaimana yang dinyatakan dalam Surat Anugerah) dari tarikh pengeluaran atau tempoh kontrak yang mana terdahulu.

Contoh di atas adalah untuk ilustrasi sahaja. Ilustrasi mungkin tidak menunjukkan keadaan atau tanggungjawab setiap JB-i.

6. Bagaimanakah jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?

Sekiranya anda gagal dalam kewajipan membuat pembayaran mengikut tempoh yang ditetapkan, perkara-perkara berikut akan dilaksanakan:

- Kemudahan JB-i anda mungkin akan dibatalkan.
- Bank berhak untuk mengenakan yuran tambahan sekiranya instrumen JB-i asal tidak dipulangkan.
- Anda perlu membayar semua kos tambahan, caj dan perbelanjaan yang telah dibuat sehingga kemudahan JB-i dilangsaikan sepenuhnya.
- Kami akan menggunakan JB-i seperti yang dituntut oleh pemberi kontrak/pihak ketiga dan anda dikehendaki membayar balik kepada Bank sejumlah yang sama dibuat dalam tempoh 7 hari bekerja.
- Bank boleh mengenakan Caj Pampasan Gantirugi (Ta'widh) ke atas pendahuluan terhadap jaminan jika anda gagal membuat pembayaran kepada Bank pada tempoh yang ditetapkan, seperti berikut:
 - Sekiranya anda gagal untuk membayar mana-mana amaun yang tertunggak kepada pihak bank dan kegagalan berterusan di luar tempoh JB-i atau selepas penghakiman diperoleh terhadap anda (yang mana terdahulu), pada mana-mana kadar setahun seperti yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke masa dengan syarat bahawa kadar pampasan yang terpakai tidak boleh pada bila-bila masa melebihi kadar Bank Negara Malaysia Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam (IIMM) lazim ke atas jumlah baki tertunggak daripada JB-i dikira pada asas harian; dan

Caj Pampasan Gantirugi

Pembayaran tertunggak yang melebihi tempoh matang	$\frac{\text{Jumlah Pokok Terlewat} \times \text{Kadar IIMM} \times \text{Bilangan Hari Terlewat}}{365}$
	Catatan: IIMM = Pasaran Wang Antara Bank Secara Islam

- Jumlah pampasan itu tidak boleh dikompaun; atau
- Oleh mana-mana kaedah lain yang diluluskan oleh Majlis Penasihat Syariah BNM
- Jika akaun anda masih kekal tidak berbayar, ia akan diklasifikasikan sebagai Pembiayaan Tidak Berbayar. Ini akan memberi kesan kepada penggunaan kemudahan perbankan dari

Bank selanjutnya di masa hadapan.

- **Hak Untuk Tolak Selesai**

Bank berhak untuk menolak mana-mana baki kredit dalam deposit anda dengan Bank terhadap mana-mana jumlah pembiayaan terkumpul dengan memberi tujuh (7) hari kalendar, dan Bank boleh menjalankan hak-haknya dan memulakan proses pemulihan / tindakan undang-undang.

- **Tindakan Undang-undang**

Tindakan undang-undang akan diambil jika anda gagal memberi maklumbalas kepada notis peringatan.

7. Bagaimanakah sekiranya saya membayar sepenuhnya pembiayaan sebelum tamat tempoh matang?

- Tidak berkenaan. Ini bukan produk pembiayaan.

8. Adakah saya perlukan perlindungan takaful?

- Takaful adalah diperlukan dan insurans dibenarkan tertakluk kepada keperluan resolusi Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia.

9. Apakah risiko-risiko utama?

- Memohon bayaran bagi kemudahan JB-i setelah penerimaan permintaan bertulis oleh penerima menfaat tanpa UOB menyatakan bahawa kegagalan tersebut sebenarnya disebabkan oleh pemohon.
- Bank mungkin membubarkan pegangan sekuriti/cagaran anda bagi menyelesaikan bayaran seperti yang dituntut oleh pemberi kontrak/pihak ketiga.

10. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

- Adalah mustahak untuk anda memaklumkan kepada kami sebarang perubahan pada butiran perhubungan bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.
- Sila maklumkan kepada kami sebarang perubahan pada butiran perhubungan anda di cawangan UOB yang berdekatan atau Pusat Perkhidmatan Perniagaan Perbankan atau menghubungi Pengurus Perhubungan UOB anda.

11. Di manakah boleh saya mendapatkan bantuan dan pertolongan?

- Jika anda mempunyai masalah untuk melakukan pembayaran balik, sila hubungi Bank dengan secepat mungkin untuk membincangkan pilihan pembayaran balik yang lain. Anda boleh menghubungi Pengurus Perhubungan Akaun UOBM anda atau menghantar E-mel kepada kami di uobcustomerservice@uob.com.my atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121
- Selain itu, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan percuma mengenai pengurusan wang, kaunseling kredit dan penstrukturan semula hutang untuk individu. Anda boleh menghubungi AKPK di Maju Junction Mall, Tingkat 8, 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur (Tel: 03-26167766 atau E-mel ke enquiry@akpk.org.my).

- Jika anda ingin membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank, anda boleh menghantar E-mel kepada kami di uobcustomerservice@uob.com.my atau hubungi kami di No. Tel Kuala Lumpur 603 - 2612 8121; Pulau Pinang 604 - 2401 121; Johor Bahru 607 - 2881 121; Kuching 082 - 287 121 atau Kota Kinabalu 088 - 477 121.
- Jika pertanyaan atau aduan anda tidak diselesaikan dengan memuaskan oleh kami, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di Block D, Bank Negara Malaysia, Jalan Dato' Onn, 50480 Kuala Lumpur (Tel: 1-300-88-5465; Faks: 603 - 2174 1515; E-mel ke bnmtelelink@bnm.gov.my).

12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

- Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan tentang produk kami, sila lawati kami di cawangan OUB yang berhampiran, emel ke tradecustomerservice@uob.com.my atau layari www.uob.com.my untuk maklumat lanjut.
- Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi Perbankan Telefon UOB 24-jam kami di:

Kuala Lumpur	(6) 03 - 26128 121
Penang	(6) 04 - 2401 121
Johor Bahru	(6) 07 - 2881 121
Kuching	(6) 082 - 287 121
Kota Kinabalu	(6) 088 - 477 121

13. Lain-lain kemudahan Perdagangan yang ada disediakan?

- Surat Kredit-i
- Resit Amanah-i
- Bil Penerimaan-i

CATATAN PENTING:

TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL TERHADAP ANDA JIKA ANDA MELANGGAR MANA-MANA TERMA PEMBIAYAAN TERKANDUNG DI SINI PADA TARIKH TAMAT TEMPOH

Maklumat yang disediakan di dalam Lembaran Maklumat Produk ini sah pada June 2018 dan tertakluk kepada perubahan pada budi bicara Bank dari semasa ke semasa.

Terma dan syarat yang dinyatakan dalam Lembaran Maklumat Produk ini adalah sebagai petunjuk dan tidak mengikat pihak Bank. Terma-terma dan syarat muktamad adalah seperti yang ditetapkan dalam Surat Tawaran dan / atau Perjanjian Kemudahan selepas penilaian bank dan kelulusan pembiayaan.

<p>Saya / Kami dengan ini mengaku bahawa Pelanggan telah diberikan penerangan tentang Lembaran Maklumat Produk.</p> <p>.....</p> <p>Nama: No K/P: Tarikh:</p>	<p>Saya / Kami dengan ini mengaku telah menerima dan faham penerangan yang telah diberikan.</p> <p>.....</p> <p>Nama: No K/P: Tarikh:</p>
---	---